

## Kajian Terhadap Aktiviti-Aktiviti Di Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi Ke Arah "Masjid Mesra Remaja"

### *Research On Activities At Masjid Al-Hasanah Towards "Youngsters Friendly Mosque"*

Mohd Idris Bin Mohd Yusoff<sup>1</sup>, Dr. Syarul Azman Bin Shaharuddin<sup>2</sup>

Terima	Wasiat	Muat Naik e-Jurnal
18 OGOS 2020	16 OKTOBER 2020	27 OKTOBER 2020

#### ABSTRAK

Masjid tidak boleh sekadar menjadi tempat eksklusif berkumpulnya warga emas dan golongan pesara, akan tetapi ianya perlu menjadi tempat beraktiviti semua lapisan masyarakat termasuklah golongan remaja. Institusi ini perlulah memainkan fungsi yang sebenar agar kembali berperanan dalam pembentukan masyarakat yang sejahtera. Justeru, faktor-faktor yang mendorong golongan remaja untuk turut serta dalam pengimarah masjid perlu diberi perhatian terutamanya berkaitan perancangan aktiviti-aktiviti sesuai yang melibatkan golongan ini. Bandar Baru Bangi yang penduduknya majoriti Muslim dan dikenali sebagai "bandar ilmu" perlu menjadi contoh bandar terbaik di Malaysia. Masjid al-Hasanah yang merupakan antara masjid utama dan awal di Bandar Baru Bangi perlu menjadi model dalam menguruskan golongan remaja. Kajian ini ingin mengesahkan sejauh mana pihak jawatankuasa masjid melibatkan golongan remaja dalam aktiviti masjid serta merancang aktiviti untuk mereka. Kajian memfokuskan keterlibatan remaja dalam menggerakkan aktiviti masjid, program pendidikan yang disusun, aktiviti pengimarah masjid dan aktiviti luar yang melibatkan golongan ini. Kajian secara kualitatif ini adalah melalui temubual separa berstruktur bersama nazir, ketua biro pemuda, ketua biro pendidikan dan beberapa ahli jawatankuasa masjid. Kajian mendapati, Masjid al-Hasanah telah menyusun pelbagai aktiviti terhadap golongan remaja. Masjid ini boleh menjadi model "masjid mesra remaja" kepada masjid dan surau-surau yang lain di negara ini. Hal demikian agar institusi ini benar-benar memaksimumkan peranan terhadap masyarakat terutamanya remaja yang merupakan harapan negara dan ummah pada masa akan datang.

**Kata kunci :** masjid, mesra, remaja, aktiviti

#### ABSTRACT

Mosques are not places exclusively for old folks or retiree people, but they are places for all ages to spend their time at includes the youngsters. This institution should resuscitate its main role which is to shape a peaceful community. Thus, all the effective factors that can encourage the youngsters to get involve in mosques activities should be taken into consideration especially the planning for the effective and suitable activities for the youngsters. Bandar Baru Bangi has a Muslim majority and also known as "knowledge city", should be the example of the best city in Malaysia. Masjid al-Hasanah as one of the prime and pioneer mosque in Bandar Baru Bangi, should be taken as a model to manage the youngsters in mosque. This research aims to evaluate the role of mosque committees in order to involve them and planned the activities for them. This research is focusing on the involvement of youngsters in carrying out the mosque

<sup>1</sup> Mohd Idris Bin Mohd Yusoff, Calon Master (KUIS), Degree (UKM), Diploma (DQ JAKIM). Calon Sarjana di Jabatan Dakwah & Pembangunan Komuniti, FPPI, KUIS. Emel: idrisbangi@gmail.com.

<sup>2</sup> Syarul Azman Shaharuddin, PhD Dakwah (UKM), Master Dakwah (UM), Degree Dakwah (Indonesia). Pekerjaan: Pensyarah di Jabatan Dakwah & Usuluddin, FPPI, KUIS. Email: syarulazman@kuis.edu.my

*activities, the educational programs, lively-mosques activities and outdoor activities that involve the participation of youngsters. A qualitative study was conducted through half-structured interview with naazir, the head of youth bureau, and the head of educational bureau and some of the mosque committees. This research has shown that Masjid Al-Hasanah had already developed and arranged a lot of activities for the youngsters. Consequently, this mosque could be a model of 'youngsters' friendly mosque' to other mosques and surau all over the country. Hence, this institution can maximize its roles toward the community especially to the youngsters, which will be the leader of the nation in the future.*

**Keywords :** mosque, friendly, youngsters, activity

## **Pendahuluan**

Pelan pembentukan masyarakat yang dibangun oleh Rasulullah s.a.w. adalah bermula dengan masjid. Kepelbagaian fungsi masjid telah membawa perubahan kepada masyarakat Madinah ketika setelah peristiwa hijrah. Masyarakat Islam pada masa kini telah memberikan tanggapan yang sempit terhadap fungsi masjid yang sebenarnya. Menurut Miqdad et al. (2016), masyarakat beranggapan bahawa masjid hanya menjadi tempat ibadah khusus semata-mata seperti solat jemaah, solat Jumaat, solat tarawih, wirid, zikir, doa, tempat merayakan hari kebesaran Islam serta aktiviti nikah kahwin. Menurut Mohd Mohadis (1997), antara faktor masjid-masjid di Malaysia tidak berfungsi dengan baik adalah kerana ketiadaan perancangan dan penyelarasan yang menyeluruh, program pengimarahannya yang terbatas serta pembangunan dan kemudahan yang terhad. Remaja merupakan golongan yang sedang aktif dengan perkembangan semulajadi seksual, fizikal dan mental. Mereka berhadapan dengan perubahan biologi yang dramatik, pengalaman dan tugas baru (Santrock 2008). Kehadiran golongan remaja ke masjid pada hari ini perlu diberi perhatian. Kajian oleh Roslan Mohamad (2002), Rizam & Maimun (2010) menyatakan, ahli jemaah veteran atau golongan pesara lebih mendominasi kehadiran jemaah ke masjid berbanding dengan golongan remaja dan anak muda. Pada pandangan Mohd Asri (2013), terdapat masjid yang tidak mesra remaja. Golongan ini merasa kurang selesa atau bimbang dengan layanan orang-orang masjid kepada mereka. Hal demikian melibatkan pihak jawatankuasa dan jemaah yang hadir ke masjid. Firdaus Mokhtar (2017) berpandangan, salah satu faktor masyarakat termasuk remaja menjauhi masjid adalah kerana pengurusan aktiviti yang lemah. Kelemahan menguruskan aktiviti pengimarahannya ini akan menyebabkan masyarakat tidak berminat untuk ke masjid.

Jamilia et al. (2017) mengetengahkan beberapa perkara dalam menjadikan masjid mesra remaja. Antaranya ialah keterlibatan golongan remaja dalam menggerakkan aktiviti masjid. Potensi dan kelebihan yang ada pada mereka haruslah dimanfaatkan sebaiknya terutamanya dalam menguruskan teknologi pada hari ini. Kajian beliau juga turut menyentuh berkaitan peranan masjid sebagai pusat pendidikan. Kajian yang dibuat oleh Ezad et al. (2010) berkaitan Masjid Assyafaah, Sembawang, Singapura misalnya menunjukkan bagaimana institusi ini menjadi pusat pendidikan bagi remaja. Masjid perlu menganjurkan aktiviti dan program yang menarik selari dengan rentak dan naluri remaja. Mereka mempunyai tenaga yang banyak serta berkecenderungan kepada bermain dan bereksplorasi tidak dapat duduk diam dengan duduk dan mendengar ceramah (Jamilia et al. 2017). Kajian oleh Husna et al. (2011) berkaitan pembangunan potensi remaja melalui institusi masjid di lima buah masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati, pelbagai aktiviti menarik yang dilaksanakan untuk menarik minat dan membentuk golongan tersebut termasuklah aktiviti luar seperti sukan, dakwah kepada masyarakat, lawatan sambil belajar dan lain-lain lagi.

Masjid perlulah kembali memainkan fungsi yang sebenar agar menjadi institusi penting dalam pembentukan masyarakat termasuklah golongan remaja. Dalam memastikan golongan remaja yang menjadi harapan masyarakat dan negara sentiasa mendekati tempat suci ini, faktor-faktor yang mendorong golongan remaja untuk turut serta dalam pengimarah masjid perlu diberi perhatian. Hal demikian, termasuklah berkaitan perancangan aktiviti-aktiviti yang sesuai dan melibatkan golongan ini bagi menarik minat mereka mendekati masjid dan membentuk remaja bertaqwa. Masjid al-Hasanah yang terletak di Bandar Baru Bangi yang dikenali sebagai “Bandar Ilmu” perlu menjadi model kepada seluruh negara. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji aktiviti-aktiviti masjid yang khusus kepada golongan remaja. Antara perkara yang menjadi fokus utama kajian ini ialah berkaitan keterlibatan remaja dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti masjid, pendidikan sistematik yang disusun secara khusus untuk golongan remaja, aktiviti-aktiviti pengimarah masjid untuk remaja dan aktiviti luar yang dilaksanakan oleh pihak masjid untuk golongan remaja. Selain itu, kajian ini turut dijalankan bagi mencadangkan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan, agar Masjid al-Hasanah terus menjadi masjid mesra remaja.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melalui temubual mendalam secara bersemuka bagi mendapatkan data. Bagi mendapatkan data yang diperlukan, 6 orang informan dipilih berdasarkan persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan merujuk kepada persampelan yang melibatkan informan yang mempunyai karakteristik serta ciri-ciri tertentu dan kumpulan sasaran yang tertentu sahaja bagi mendapatkan maklumat seperti yang diinginkan oleh pengkaji (Ahmad Mahdzan 2005). Pemilihan 6 orang informan tersebut berdasarkan jawatan mereka di masjid. Informan-informan tersebut terdiri daripada seorang nazir, seorang imam serta ketua-ketua daripada beberapa biro iaitu Biro Pemuda, Biro Pendidikan, Biro Sukan dan Biro Kebajikan.

Sepanjang temubual dijalankan, sebanyak lima soalan dikemukakan kepada informan di samping pecahan-pecahan soalan kecil yang terdapat dalam soalan utama bagi mendapatkan maklumbalas yang lengkap dan terperinci daripada informan. Soalan-soalan tersebut seperti berikut:

- (1) Bagaimana sambutan remaja terhadap aktiviti-aktiviti yang telah disusun oleh ahli jawatankuasa Masjid al-Hasanah?
- (2) Apakah aktiviti masjid yang melibatkan remaja sebagai penggerak bersama?
- (3) Apakah program pendidikan yang disusun secara sistematik khusus kepada golongan remaja?
- (4) Apakah aktiviti pengimarah masjid khusus kepada remaja?
- (5) Apakah aktiviti luar yang disusun untuk golongan remaja?

### **Dapatan Dan Analisa Kajian**

Kajian ini mendapati, pihak jawatankuasa Masjid al-Hasanah menerima baik kehadiran dan keterlibatan remaja dengan aktiviti-aktiviti masjid. Selain itu, aktiviti-aktiviti yang disusun oleh pihak jawatankuasa masjid kebanyakannya mendapat sambutan yang baik daripada golongan remaja. Terdapat empat perkara yang menjadi fokus dalam kajian ini. Antaranya ialah :

## 1. Kebersamaan remaja dalam menggerakkan aktiviti masjid

Kajian mendapati, terdapat beberapa aktiviti yang melibatkan remaja bersama dalam menggerakkan aktiviti yang dirancang. Pihak jawatankuasa terbuka menerima keterlibatan golongan ini. Walau bagaimanapun, beberapa aktiviti tersebut tidak meletakkan sasaran tertentu terhadap keterlibatan golongan remaja kerana aktiviti tersebut terbuka kepada seluruh jemaah secara umum terutamanya golongan dewasa. Golongan remaja tidak dihalang, bahkan dialu-alukan menyertai aktiviti tersebut bersama golongan dewasa.

**Jadual 1 : Kebersamaan Remaja Dalam Menggerakkan Aktiviti Masjid**

<b>Aktiviti</b>	<b>Tindakan</b>	<b>Sasaran</b>	<b>Pencapaian</b>
<b>Tenaga sukarelawan program</b> - Ihya Ramadhan - Pengajian Tafaqquh fi al-Din - Sukarelawan hari Jumaat - Karnival	-Pegawai masjid -Biro Pendidikan -Biro Dakwah	Tidak meletakkan sasaran khusus remaja	3 – 30 remaja terlibat membantu program
<b>Gotong-royong</b> - Pembersihan kawasan masjid - Memasak dalam majlis keraian tertentu	-Pegawai masjid -Biro Pembangunan	Tidak meletakkan sasaran khusus remaja	20 – 30 remaja terlibat
<b>Guru JTN</b> - Guru dihantar ke flat-flat untuk mengajar al-Quran	-Pegawai masjid (nazir)	Tidak meletakkan sasaran khusus remaja	2 orang guru di kalangan remaja
<b>Fasilitator program</b> - Dipilih dan dilatih menjadi fasilitator program kanak-kanak dan remaja selepasnya	-Biro Pemuda	20 fasilitator	18 fasilitator
<b>Pertanian bandar (akan datang)</b> - Remaja membantu menguruskan aquaponik	-Biro Kebajikan -Biro Pendidikan	20 remaja terlibat membantu	Belum dilaksanakan

Menurut informan 1, golongan remaja diberi ruang dan kepercayaan untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan. Antaranya ialah sukarelawan Program Ihya' Ramadhan, Pengajian Tafaqquh fi al-Din, membantu Siak Masjid terutamanya hari Jumaat serta karnival seperti Bangi Berselawat. Program Ihya' Ramadhan yang padat sepanjang Ramadhan memerlukan ramai sukarelawan terutamanya ketika majlis berbuka puasa yang melibatkan kehadiran sekitar 1500 orang setiap hari sepanjang bulan Ramadhan. Menurut informan 4, bagi program Pengajian Tafaqquh fi al-Din, kebiasannya melibatkan pada hari Ahad setiap minggu kedua, ketiga dan keempat setiap bulan. Remaja membantu menguruskan kitab-kitab, susun atur untuk belajar bagi peserta dan urusan minum waktu rehat. Menurut informan 1 dan informan 2, selepas solat Jumaat, kebiasannya ada remaja yang akan membantu siak masjid untuk urusan pengumpulan tabung dan urusan pengiraan sumbangan. Menurut informan 1, bagi karnival-karnival yang dianjurkan oleh pihak masjid, remaja kebiasannya diberi ruang membantu tugas-tugas teknikal sepanjang program berlangsung. Bagi program gotong-royong kebersihan yang diuruskan oleh Biro Pembangunan, tenaga remaja turut menyumbang di samping golongan dewasa. Begitu juga sekiranya ada majlis-majlis kenduri seperti Aqiqah Perdana dan Rumah Terbuka Aidilfitri, golongan remaja turut membantu di pusat sembelihan, dapur dan tempat hidangan jamuan.

Menurut informan 1 lagi, salah satu program bersifat kebajikan melalui pendidikan yang dianjurkan ialah program Jom Turun Ngaji (JTN). Program di bawah pemantauan nazir ini memfokuskan kawasan-kawasan flat yang kebiasaan penduduknya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah. JTN ialah program kelas al-Quran percuma kepada anak-anak penduduk flat tertentu. Kini, telah ada 5 cawangan kelas JTN di seksyen 3, seksyen 4, seksyen 7, seksyen 9 dan seksyen 16. Golongan remaja yang mempunyai kemahiran dan ilmu al-Quran diberi ruang untuk menjadi guru yang dihantar ke kelas-kelas ini di samping guru-guru di kalangan mahasiswa sekitar dan golongan dewasa. Bagi remaja-remaja yang pernah menjadi peserta program atau mengikuti program remaja di masjid, terdapat unit khas di bawah Biro Pemuda yang akan menyimpan data maklumat mereka. Ada di kalangan mereka kemudiannya dipilih dan diberi latihan untuk menjadi fasilitator. Tenaga dan kelebihan mereka dimanfaatkan dalam program-program selepasnya sama ada program kanak-kanak atau program untuk remaja yang lebih muda dari mereka.

Menurut informan 4 pula, Biro Kebajikan akan menguruskan aktiviti pertanian bandar di Masjid al-Hasanah. Program ini bertujuan bagi membantu golongan berpendapatan rendah mengurangkan kos seharian di samping sebagai pendapatan tambahan untuk keluarga. Aktiviti pertanian bandar ini menggunakan sistem aquaponik moden iaitu sistem yang menggabungkan ternakan ikan dan tumbuhan bersama secara bersepadu. Aktiviti yang menasarkan penghasilan sayur-sayuran dan ikan air tawar ini telah mendapat bantuan pihak kerajaan bagi membantu golongan tersebut. Selain masyarakat sekitar yang berpendapatan rendah, aktiviti ini akan turut dibantu oleh golongan remaja, terutamanya pelajar Tahfiz Masjid al-Hasanah dan remaja yang tinggal berdekatan masjid.

Hasil maklumat daripada informan-informan, kajian mendapati pihak Masjid al-Hasanah terbuka menerima keterlibatan remaja dalam menggerakkan aktiviti masjid. Walau bagaimanapun, kebanyakan aktiviti-aktiviti tidak meletakkan sasaran khusus keterlibatan golongan ini. Pendekatan Biro Pemuda dalam melatih fasilitator daripada remaja yang pernah mengikuti program-program sebelumnya adalah satu kaedah pembangunan sumber manusia yang baik. Potensi remaja-remaja terpilih digilap untuk berkhidmat sebagai pemudah cara dalam program-program akan datang. Kepercayaan yang diberikan oleh Biro Kebajikan kepada remaja untuk sama-sama mengusahakan program pertanian bandar juga membuka ruang kepada remaja berkhidmat kepada masyarakat terutamanya golongan memerlukan.

## 2. Program Pendidikan Sistemik Untuk Remaja

Terdapat program pendidikan yang disusun secara sistemik khusus kepada golongan remaja di Masjid al-Hasanah. Program ini menasarkan remaja berumur 13 hingga 17 tahun.

**Jadual 2 : Program Pendidikan Sistemik Untuk Remaja**

Aktiviti	Tindakan	Sasaran	Pencapaian
<b>Tahfiz Masjid al-Hasanah</b> - Bermula April 2018 - 35 pelajar	-Biro Pendidikan	20 pelajar khatam 30 juz al-Quran pada 2020	2 pelajar telah khatam dalam tempoh 1 tahun, 1 bulan
<b>KAFA menengah</b> - Belum dilaksanakan kerana kekurangan bilik kelas	-Biro Pendidikan	Belum dilaksanakan	Belum dilaksanakan

Menurut informan 1 dan informan 4, Program Tahfiz Masjid al-Hasanah telah bermula sejak April 2018 dengan secara sepenuh masa dan berasrama. Setakat ini, pengajian ini telah digerakkan oleh 5 orang guru bagi membimbing 35 orang pelajar. Fasiliti yang belum mencukupi menyebabkan pihak masjid hanya mengambil remaja dalam bilangan yang terhad. Pihak masjid meletakkan sasaran program ini dalam tempoh 2 tahun bagi para pelajar menghafaz 30 juz al-Quran. Sehingga September 2019, program tahfiz ini telah berjaya melahirkan 2 pelajar yang tamat menghafaz al-Quran dalam tempoh 1 tahun, 1 bulan. Program tahfiz ini memfokuskan hafazan al-Quran sepenuh masa di samping Kelas Fardhu Ain (Aqidah, Fiqh dan Akhlak).

Bagi informan 4, jika di peringkat sekolah rendah, terdapat banyak Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA) yang telah dijalankan sama ada di sekolah, masjid dan premis lain. Namun, KAFA menengah dilihat masih kurang dijalankan. Menyedari keperluan ini, Biro Pendidikan merancang untuk mengadakan Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA) di peringkat menengah pula. Walau bagaimanapun, kekurangan fasiliti seperti bilik kelas kerana bertembung dengan KAFA peringkat rendah dan aktiviti-aktiviti pengajian lain menyebabkan usaha ini ditangguhkan buat sementara waktu sehingga pembangunan fasiliti masjid untuk fasa seterusnya dapat dijalankan sebaiknya.

Hasil penelitian daripada maklumat-maklumat melalui temubual mendapati, program-program yang pelbagai di Masjid al-Hasanah menyebabkan program pendidikan khusus bagi remaja tidak dapat dijalankan semaksimanya. Bilik-bilik darjah digunakan sebagai kelas KAFA bagi pelajar peringkat rendah. Program Pengajian Tafaqquh fi al-Din yang melibatkan golongan dewasa dan warga emas pula misalnya banyak menggunakan ruang dan kemudahan di sini. Peserta yang melebihi 600 orang menyebabkan banyak ruang di masjid ini termasuklah ruang solat di tingkat atas menjadi tempat bagi kelas-kelas untuk para peserta. Biro Pendidikan antara biro yang aktif dalam melaksanakan aktiviti di masjid ini. Justeru, perancangan pembangunan akan datang sangat diperlukan agar aktiviti pendidikan remaja dapat diluaskan lagi.

### 3. Aktiviti Pengimarahkan Masjid Untuk Remaja

Kajian ini mendapati, terdapat pelbagai aktiviti yang telah disusun khususnya untuk golongan remaja bagi mengimarahkan lagi Masjid al-Hasanah. Kebanyakan aktiviti ini dijayakan oleh Biro Pemuda yang bertanggungjawab mengajak golongan remaja mendekati masjid. Aktiviti pengimarahkan masjid yang dimaksudkan di sini ialah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam kawasan masjid.

**Jadual 3 : Aktiviti Pengimarahkan Masjid Untuk Remaja**

Aktiviti	Tindakan	Sasaran	Pencapaian
<b>Program Lepasan SPM</b> - Program membangunkan potensi - Bimbingan memilih bidang untuk melanjutkan pengajian	-Biro Pemuda	40 remaja sertai	20 remaja sertai

<p><b>Back to School</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program kebajikan kepada golongan memerlukan</li> <li>- Pengisian turut diberikan kepada ibu bapa dan pelajar yang menerima bantuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Biro Kebajikan</li> <li>-Biro Wanita</li> <li>-Biro Pemuda</li> </ul>	180 remaja sertai	171 remaja sertai
<p><b>Tadarus al-Quran remaja</b> Program sempena Ihya' Ramadhan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Pegawai masjid (imam)</li> <li>-Biro Pemuda</li> </ul>	60 remaja terlibat	55 remaja terlibat
<p><b>Bond Mission</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program berkala remaja</li> <li>- Motivasi, pembentukan sahsiah dan potensi diri</li> <li>- Dibantu mahasiswa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Biro Pemuda</li> </ul>	40 remaja sertai	25 - 40 remaja sertai
<p><b>Kelas Muraja'ah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Program cuti sekolah untuk pelajar aliran tahfiz</li> <li>- Kelas intensif ulangan hafazan-hafazan al-Quran lepas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Pegawai masjid (imam)</li> </ul>	100 remaja sertai	82 remaja sertai
<p><b>Nadwah Kepimpinan Remaja</b> Program latihan di kalangan kepimpinan pelajar sekolah-sekolah menengah sekitar</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Biro Pemuda</li> </ul>	80 remaja sertai	80 remaja sertai
<p><b>Perkongsi Pengalaman Tokoh</b> Tokoh berjaya di kalangan kepimpinan masjid dijemput berkongsi pengalaman hidup</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Biro Pemuda</li> </ul>	50 remaja hadir	35 remaja hadir
<p><b>Bacaan Yaasin &amp; Solat Hajat Sempena Peperiksaan</b> KAFA, UPKK, UPSR, PT3, SPM</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Pegawai masjid</li> <li>-Biro Pemuda</li> </ul>	Diadakan setiap kali sebelum peperiksaan	Diadakan setiap kali sebelum peperiksaan
<p><b>Kelas Tarannum Remaja</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kelas mingguan</li> <li>- Guru di kalangan mahasiswa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Pegawai masjid (bilal)</li> </ul>	25 remaja sertai	22 remaja sertai

Menurut informan 3, terdapat beberapa program yang bersifat tahunan dilaksanakan oleh pihak jawatankuasa Masjid al-Hasanah kepada remaja. Antaranya ialah program bagi pelajar lepasan SPM. Biro Pemuda dengan kerjasama NGO luar telah menyusun program khas ini. Program tersebut bertujuan bagi membangunkan potensi remaja di samping bimbingan memilih bidang untuk melanjutkan pengajian. Menurut informan 6 pula, antara program tahunan lain yang dilaksanakan ialah program “*Back to School*”. Program ini lebih bersifat kebajikan, dakwah dan pendidikan. Remaja dari keluarga berpendapatan rendah akan dipilih melalui sekolah-sekolah untuk diberi bantuan sempena sesi baru persekolahan. Di samping bantuan dalam bentuk baucer untuk yuran, keperluan pakaian sekolah dan alat tulis, pelajar dan waris akan disusun bagi mengikuti pengisian berkaitan sahsiah, ibadah dan pencegahan masalah sosial remaja. Menurut informan 2 dan informan 3, pada bulan Ramadhan pula, aktiviti tadarus al-Quran turut melibatkan remaja. Bagi remaja yang berkelapangan pada waktu petang, mereka akan turut serta dalam kumpulan tadarus bersama golongan dewasa yang diuruskan oleh setiausaha masjid dan imam-imam. Pada 10 akhir Ramadhan, Biro Pemuda turut menyusun program tadarus khusus untuk golongan remaja selepas solat tarawikh.

Menurut informan 1 dan informan 2, terdapat beberapa aktiviti yang disusun secara berkala oleh pihak jawatankuasa Masjid al-Hasanah terutamanya ketika musim cuti sekolah. Program “*Bond Mission*” adalah antara program diminati remaja. Kebiasaannya dijalankan sebanyak 3 hingga 5 kali setahun terutamanya semasa cuti sekolah. Pelbagai aktiviti disusun bagi memberi motivasi, pembinaan sahsiah dan pembangunan potensi diri. Bagi informan 2, menjadi satu fenomena masyarakat pada hari ini, semakin ramai yang menghantar anak mereka ke sekolah aliran tahfiz. Justeru, pada musim cuti sekolah, pihak Masjid al-Hasanah telah mengadakan Kelas *Muraja’ah* (ulangan hafazan lepas) sebagai alternatif agar para remaja berkenaan tidak melupakan hafazan-hafazan yang lalu dan meninggalkan al-Quran ketika musim cuti sekolah. Menurut informan 3 pula, Program Nadwah Kepimpinan Remaja yang dirancang sebanyak 2 kali setahun mensasarkan kepimpinan pelajar dari sekolah-sekolah di sekitar Bandar Baru Bangi. Pengisian program ini menjurus kepada latihan kepimpinan dan pembangunan potensi kepimpinan pelajar.

Menurut informan 3 lagi, Biro Pemuda turut menyusun program Perkongsian Tokoh yang dipilih di kalangan jawatankuasa masjid yang telah berjaya dalam bidang masing-masing yang pelbagai latar belakang. Perkongsian ini lebih kepada motivasi hidup remaja dan memberi semangat untuk berjaya pada masa akan datang. Selain itu, menurut informan 1, informan 2 dan informan 3, pihak masjid al-Hasanah turut menyusun program bacaan Yaasin dan solat hajat sempena peperiksaan utama seperti SPM, PT3, UPSR dan UPKK ketika musim peperiksaan tersebut. Menurut informan 1 dan informan 2 lagi, terdapat juga aktiviti yang dilaksanakan setiap minggu. Bagi aktiviti mingguan, kelas *tarannum* remaja telah disusun pada waktu malam setiap hari Rabu. Kelas ini melibatkan pelajar di kalangan remaja lelaki dan perempuan. Pelajar-pelajar dibimbing oleh dua orang tenaga pengajar di kalangan mahasiswa yang berkemahiran dalam bidang ini.

Aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan jiwa remaja menyebabkan penyertaan daripada golongan ini dalam kebanyakan aktiviti yang telah disusun mendapat sambutan yang memberangsangkan. Dana yang mencukupi untuk menampung kos aktiviti dan keutamaan yang diberikan oleh pihak jawatankuasa dalam menggerakkan aktiviti remaja di masjid ini juga menjadi faktor pelbagai program dapat dilaksanakan. Kebiasannya, program-program remaja di Masjid al-Hasanah tidak mengenakan yuran yang tinggi kerana lebih bersifat kebajikan kepada masyarakat sekitar. Di samping itu, pelbagai fasiliti seperti dewan seminar, bilik tutorial, bilik darjah, gelanggang futsal dan kemudahan aktiviti sukan lain menjadi faktor, pelbagai aktiviti remaja dapat dilaksanakan di masjid ini.

#### 4. Aktiviti Luar Untuk Remaja

Aktiviti luar untuk remaja turut disusun oleh pihak masjid. Hal demikian bagi mempelbagaikan daya penarik kepada golongan ini untuk terus mencintai masjid. Aktiviti-aktiviti ini disusun untuk memberi alternatif kepada para remaja dalam mengisi masa terluang dengan lebih berfaedah.

**Jadual 4 : Aktiviti Luar Untuk Remaja**

Aktiviti	Tindakan	Sasaran	Pencapaian
<b>Aktiviti lasak &amp; <i>Summer Camp</i></b> - Program hujung minggu tertentu - Mendaki bukit, riadhah dan motivasi	-Biro Pemuda	40 remaja sertai dalam setiap program	Sekitar 30-35 remaja sertai dalam setiap program



<b>Teens For Ummah</b> - Program alternatif sempena cuti umum (Contoh : MERDEKA)	-Biro Pemuda	60 remaja perempuan terlibat	80 remaja perempuan terlibat (melebihi sasaran)
<b>Street Dakwah</b> - Modul dalam sebahagian program remaja - Latihan dakwah kepada masyarakat untuk remaja	-Biro Pemuda	40 remaja sertai dalam setiap program	30 remaja sertai dalam setiap program
<b>Pertandingan Futsal Remaja</b> - Menyertai perlawanan dianjurkan oleh NGO	-Biro Sukan	Johan	Layak ke separuh akhir
<b>Kelas Silat</b> - Terbuka kepada kanak-kanak, remaja dan dewasa - Kelas mingguan malam	-Biro Pemuda	20 pelajar silat	15 pelajar silat
<b>Kelab Memanah</b> - Alatan disediakan oleh pihak masjid - Program 2 minggu sekali	-Biro Pemuda	20 ahli kelab di kalangan remaja	20 ahli kelab di kalangan remaja
<b>Futsal</b> - Gelanggang futsal percuma - Riadhah petang dan pagi (hari cuti)	-Biro Sukan	Gelanggang futsal dimanfaatkan setiap hari	Setiap hari dimanfaatkan kecuali cuaca buruk
<b>Usrah Sandwichdom</b> - Program santai ukhuwwah remaja di kalangan peserta program-program lepas Biro Pemuda - 2 bulan sekali	-Biro Pemuda	30 orang setiap kali pertemuan	20-30 orang setiap kali pertemuan

Menurut informan 3, pihak Biro Pemuda turut menyusun aktiviti lasak dan *Summer Camp* yang dijalankan di luar kawasan masjid. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti mendaki bukit, riadhah dan motivasi. Bagi golongan remaja perempuan, pihak Biro Pemuda dengan kerjasama NGO luar mengadakan program *Teens for Ummah* sebagai alternatif kepada golongan ini mengisi hari cuti seperti cuti sempena Hari Kemerdekaan. Di samping pengisian di dewan dan kelas, aktiviti seperti eksplorasi turut diadakan di luar kawasan masjid seperti di Tasik Cempaka yang tidak jauh dari Masjid al-Hasanah. Bagi remaja yang pernah menjadi peserta program *Bond Mission* yang dilaksanakan 3 hingga 5 kali setiap tahun, *ukhuwwah* mereka diikat melalui program *Usrah Sandwichdom* yang kebiasannya dilaksanakan sebulan atau dua bulan sekali. Program berkala ini dilaksanakan secara ringkas tetapi menarik. Mereka turut menjalankan aktiviti *Street Dakwah* di luar untuk belajar mendekati masyarakat dan membawa mesej agama. Program ini secara tidak langsung melatih remaja menjadi pendakwah.

Selain itu, menurut informan 1, kemudahan tempat dan peralatan membolehkan aktiviti Kelab Memanah dihidupkan di masjid al-Hasanah. Aktiviti memanah remaja ini dijalankan dengan kekerapan 2 minggu sekali dengan bimbingan jurulatih yang telah disediakan. Gelanggang futsal yang ada di Masjid al-Hasanah juga menjadi kemudahan kepada golongan remaja yang berminat dengan sukan ini. Aktiviti futsal ini adalah antara aktiviti harian remaja

di masjid ini pada waktu petang setiap hari dan juga pada waktu pagi ketika hujung minggu serta cuti sekolah. Menurut informan 5, Biro Sukan turut melatih remaja dalam sukan futsal. Selain menyertai perlawanan persahabatan dengan masjid-masjid lain, pasukan futsal remaja turut dibawa menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh NGO luar. Pada September 2019, pasukan futsal remaja Masjid al-Hasanah berjaya sampai ke peringkat separuh akhir. Di samping itu, bagi yang meminati seni mempertahankan diri, pihak masjid telah mengadakan kelas silat. Di samping remaja, kelas ini juga terbuka kepada golongan kanak-kanak dan dewasa.

Berdasarkan temubual bersama informan-informan, kajian ini mendapati, antara faktor pelbagai aktiviti luar kepada golongan remaja dapat dilaksanakan adalah kerana jaringan pihak masjid dengan pelbagai pihak luar seperti NGO-NGO, mahasiswa kampus sekitar, persatuan-persatuan penduduk dan pihak berkuasa. Kepelbagaian latar belakang mereka yang menggerakkan aktiviti dan jaringan luar telah menyebabkan pelbagai perkongsian dan cadangan program dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan minat remaja yang telah disusun juga menjadi faktor sambutan daripada golongan tersebut begitu memberangsangkan.

## **Perbincangan Dapatan Kajian**

Berdasarkan kajian, masjid perlu menjadi mesra remaja bagi memastikan lahirnya generasi harapan masyarakat yang boleh memberi manfaat kepada agama dan negara. Berikut ialah perbincangan daripada dapatan kajian ini berkaitan aktiviti-aktiviti masjid mesra remaja :

### **1. Membuka peluang remaja bersama dalam melaksanakan aktiviti masjid**

Pihak jawatankuasa Masjid al-Hasanah terbuka dalam menerima golongan remaja hadir dan bersama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti masjid. Remaja bukan sahaja berada pada posisi peserta program, akan tetapi diberi kepercayaan menyumbang kelebihan yang ada dalam menggerakkan aktiviti masjid. Di samping keterlibatan remaja dalam menggerakkan aktiviti masjid secara bersama, terdapat juga program pembangunan sumber manusia yang dilaksanakan oleh Biro Pemuda iaitu latihan fasilitator di kalangan remaja terpilih dari peserta-peserta program remaja yang telah lalu. Ruang keterlibatan remaja dalam menggerakkan aktiviti masjid ini secara tidak langsung menjadi proses pembangunan potensi remaja. Proses pembangunan potensi remaja masa kini seharusnya bermula di masjid dan tidak hanya tertumpu di institusi-institusi pendidikan formal sahaja (Husna et al. 2011). Menurut Nizam & Badri (2010), antara faktor golongan remaja kurang berminat untuk hadir ke masjid adalah kerana mereka tidak dilibatkan secara langsung dengan organisasi masjid sama ada untuk pelaksanaan program mahupun program-program rutin masjid. Selain itu, pemberian tugas atau tanggung jawab kepada generasi remaja secara tidak langsung akan menambah kecintaan mereka terhadap masjid. Hal ini boleh mewujudkan kitaran sosial yang mampan apabila remaja yang dirai di masjid pada hari ini mungkin dapat berbakti kepada masjid atau masyarakat setempat pada masa akan datang (Jamilia et al. 2017).

Pihak masjid dicadangkan agar terus membuka ruang keterlibatan remaja dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti masjid. Antara yang boleh dilaksanakan ialah, Biro Pemuda perlu menghidupkan semula Kelab Remaja Masjid al-Hasanah yang boleh menjadi ruang remaja menyumbang kemampuan yang ada dan membangunkan potensi. Maklumat yang didapati melalui informan 2, Kelab Remaja Masjid al-Hasanah pernah ditubuhkan dan

dilancarkan pada tahun 2010 sempena Program Sunathon, iaitu program berkhatan beramai-ramai yang dianjurkan oleh pihak masjid. Kelab ini dilihat boleh menjadi ruang mengukuhkan hubungan remaja dengan institusi masjid. Selain itu, antara langkah yang boleh diambil juga adalah dengan melantik beberapa wakil remaja sebagai ahli jawatankuasa dalam struktur organisasi Biro Pemuda Masjid al-Hasanah. Hal demikian agar golongan remaja boleh berkongsi pandangan berkaitan kecenderungan mereka dan aktiviti-aktiviti yang diperlukan. Pandangan dan suara mereka diperlukan kerana kita tidak boleh menyusun program mengikut kehendak golongan dewasa yang hidup pada zaman berbeza.

## **2. Masjid : Pusat Pendidikan Remaja**

Biro Pendidikan Masjid al-Hasanah telah menggerakkan program pendidikan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Antaranya ialah Kafa peringkat rendah yang merupakan program pendidikan khusus kepada mereka berumur 7 – 12 tahun. Selain itu, bagi mereka yang dewasa, program *Tafaqquh fi al-Din* menjadi pilihan bagi yang ingin memepelajari ilmu al-Quran, Hadis, Bahasa Arab, Aqidah, Fiqh dan Tasawuf. Bagi peringkat remaja pula, Tahfiz Masjid al-Hasanah telah ditubuhkan semenjak tahun 2018. Menurut Mahfuzah & Halim (2010), antara peranan masjid adalah untuk merealisasikan konsep kesepaduan ilmu dalam pendidikan. Dalam menjadikan masjid sebagai pusat pendidikan remaja, masjid di Singapura boleh dijadikan model. Kajian oleh Ezad et al. (2010), berkaitan Masjid Assyafaah, Sembawang, Singapura telah menunjukkan bagaimana kejayaan masjid tersebut menggerakkan aktiviti pendidikan buat remaja sehingga lebih 1200 pelajar yang belajar dari peringkat pra-madrasah hingga ke peringkat bimbingan remaja dua.

Antara kelompongan pendidikan peringkat remaja yang boleh dilihat di kebanyakan tempat ialah berkaitan aktiviti pelajar sekolah menengah harian. Misalnya, jika mereka yang bersekolah pada sesi petang, waktu pagi mereka agak terluang. Adalah membimbangkan bagi remaja yang dibiarkan tanpa aktiviti tersusun ketika ibu bapa mereka tidak ada di rumah kerana bekerja. Jika kanak-kanak peringkat sekolah rendah adanya Kafa yang menjadi alternatif, program pendidikan khusus untuk remaja terutamanya yang bersekolah menengah harian (bukan asrama) perlu difikir bersama. Masjid adalah antara institusi terbaik yang boleh berperanan untuk mengisi kelompongan ini.

## **3. Aktiviti Pengimarahannya Khusus Untuk Remaja**

Terdapat pelbagai aktiviti pengimarahannya masjid yang khusus kepada golongan remaja disusun di Masjid al-Hasanah. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah yang bersifat tahunan, berkala beberapa kali setahun, mingguan dan harian. Hal demikian membuktikan, masjid ini tidak hanya menyusun program kepada golongan dewasa dan warga emas. Menurut Mohd Nizam (2010), golongan remaja kurang berminat untuk hadir ke sebahagian masjid adalah kerana program dan aktiviti yang dijalankan di masjid tidak banyak yang difokuskan kepada remaja. Salah satu faktor kejayaan program remaja di Masjid al-Hasanah ialah kerana jaringan yang dibina dengan pelbagai institusi lain termasuklah pihak berkuasa, NGO-NGO dan persatuan penduduk. Menurut Jamalia et al. (2017), kerjasama pihak masjid dengan badan-badan luar membolehkan program-program yang lebih menarik untuk kanak-kanak dan remaja dapat diadakan. Terdapat pelbagai modul yang boleh dicadangkan dan dikongsi bagi kemudahan pihak masjid dalam menganjurkan program-program khas untuk kanak-kanak dan remaja.

Pihak jawatankuasa Masjid al-Hasanah dicadangkan agar dapat menggerakkan lagi usaha bagi menarik golongan remaja mendekati masjid. Usaha seperti menyediakan hadiah

kepada mereka yang hadir solat jemaah boleh dilaksanakan sebagai daya penarik. Inisiatif unik yang dilaksanakan jawatankuasa Masjid Mahmudi di Bachok, Kelantan boleh dicontohi. Kanak-kanak yang berusia 10 hingga 12 tahun yang berjaya hadir ke masjid setiap hari selama sebulan pada Ramadhan 1440H yang lalu akan diberi ganjaran basikal. Inisiatif itu sudah dibuat sejak tahun sebelumnya dengan setiap kanak-kanak yang hadir ke masjid itu akan mendaftarkan nama mereka bagi menunaikan tiga waktu solat yang ditetapkan. (<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/05/561951/datang-masjid-dapat-basikal>). Terdapat juga idea kreatif lain yang telah dilaksanakan oleh jawatankuasa masjid-masjid. Masjid Saidina Umar Al-Khattab Bukit Damansara mencipta kelainan apabila memberi wang saku kepada pelajar yang menunaikan solat Subuh di masjid tersebut. (<https://www.sinarharian.com.my/article/52035/EDISI/Selangor-KL/Solat-Subuh-di-masjid-dapat-wang-saku>).

#### 4. Masjid Menyusun Aktiviti Luar Untuk Remaja

Terdapat aktiviti luar yang telah disusun dan dilaksanakan oleh pihak Masjid al-Hasanah untuk menarik golongan remaja ke masjid di samping mendidik mereka menjadi muslim yang baik. Hal demikian termasuklah aktiviti seperti sukan dan rekreasi, *street dakwah* dan program motivasi yang dilakukan di luar kawasan masjid. Aktiviti-aktiviti luar yang disusun oleh pihak masjid boleh menjadi salah satu alternatif kepada golongan ini agar mereka tidak terjebak dengan masalah sosial. Menurut Saharizah (2018) dalam kajian berkaitan tahap keaktifan aktiviti dakwah remaja di masjid-masjid negeri Selangor, antara aktiviti luar yang diminati remaja ialah riadah dan sukan seperti berbasikal, *jungle tracking* dan lawatan sambil belajar. Menurut Mohamad Sofuan (2018) pula, aktiviti sukan dan rekreasi adalah program yang amat diminati oleh golongan remaja kerana ianya bersesuaian dengan ciri-ciri generasi remaja yang bersifat aktif, lasak dan sukakan cabaran. Sesuai dengan minat remaja, Masjid al-Hasanah perlu memperbanyakkan lagi perancangan aktiviti luar agar remaja sekitar terselamat dari gajala yang tidak sihat.

#### Penutup

Terdapat beberapa kekuatan di masjid ini dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti remaja. Antaranya ialah, keterbukaan pegawai dan ahli jawatankuasa masjid untuk menerima idea dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti remaja. Di samping itu, aktiviti pengimarahannya termasuklah aktiviti pemuda dan remaja menjadi salah satu yang menjadi keutamaan dalam belanjawan kewangan tahunan masjid. Selain itu, keterlibatan golongan muda dalam jawatankuasa di Masjid al-Hasanah turut menjadi nadi kepada masjid ini aktif dengan pelbagai aktiviti termasuk kepada golongan remaja. Sebelas daripada tiga puluh satu pegawai dan ahli jawatankuasa masjid adalah di kalangan golongan muda yang berumur di bawah 40 tahun. Jaringan dengan pihak luar seperti masjid serta surau-surau di sekitar, persatuan penduduk, mahasiswa-mahasiswa kampus sekitar, NGO-NGO dan badan-badan berkanun juga banyak membantu dalam menjayakan aktiviti-aktiviti di sini. Semoga Masjid al-Hasanah terus menjadi masjid mesra remaja dan menjadi contoh kepada masjid-masjid dan surau-surau lain di Malaysia

## Rujukan

### *Buku*

Ahmad Mahdzan Ayob. 2005. Kaedah penyelidikan sosioekonomi, edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Nizam bin Sahad & Ahmad Badri Abdullah. 2010. Usaha-Usaha Ke Arah Penambahbaikan Pengurusan Dan Pentadbiran Masjid, *Dlm. Ahmad Najib Abdullah (pnyt) Isu-isu pengurusan dan pengimarahannya Masjid di alaf baru*. Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan: Akademi Pengajian Islam, 43-60

Santrock, J.W. 2008. *Life-Span Development. 11th edition*. New York: Mc Graw-Hill

### *Jurnal*

Ezad Azraai Jamsari, Siti Nooraikin Tumiran, Kaseh Abu Bakar & Zamri Arifin. 2010. Peranan Dan Sumbangan Institusi Masjid Dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam Singapura : Satu Kajian Di Masjid Assyafaah Sembawang. *Journal of Islamic and Arabic Education (JIAE)*. Vol 2, No 2

Mohd Miqdad Aswad Ahmad, Zanirah Mustafa@Busu & Badriah Nordin. 2016. Pemerkasaan Masjid Melalui Sistem Hisbah. *E-Academia Journal UiTMT* (<http://journale-academiauitmt.edu.my/>). Vol 5, No 2

Saharizah binti Mohamad Salleh & Abdul Munir bin Ismail. 2018. Tahap Keaktifan Aktiviti Dakwah Remaja Di Masjid-Masjid Negeri Selangor: Satu Tinjauan. *Jurnal Hal Ehwal Islam Dan Warisan Selangor*. Vol 2 , No 1

### *Prosiding*

Jamilia Mohd Marsin, Syed Ahmad Iskandar, Ismail Mustari & Raja Nafida Raja Shahminan. 2017. Ke Arah Membangunkan Masjid Mesra Remaja. e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017 (IMAF-2017). 4 & 5 Disember 2017, Bangi, Selangor, Malaysia, 65

Mahfuzah Mohammed Zabidi & Ab. Halim Tamuri. 2010. Peranan Institusi Masjid Untuk Merealisasikan Konsep Kesepaduan Ilmu Dalam Pendidikan. Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid, 103-104

Mohamad Sofuan Bin Mohamad Saleh. 2018. *Aktiviti In Door Serta Out Door Masjid Dan Remaja Muslim - Isu Dan Cabaran*. Bangi, Selangor: E-Book Of Masjid, Zakat And Waqf Management 2018 (IMAF 2018). 4 Disember 2018

Nurul Husna Mansor, Nursyazrin Nazee Mudeen, Siti Aishah Abu Bakar, Siti Nor Shuhada Mohamad, Fakhrol Adabi Abdul Kadir & Mohd Afifuddin bin Mohamad. 2011. Pembangunan Potensi Remaja Melalui Institusi Masjid: Satu Tinjauan Di Lima Buah Masjid Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seminar Pembangunan Masjid. Universitas Islam Negeri Ar-Raniry, Aceh

Rizam Tambi Chik & Maimun Agsa Lubis. 2010. Masjid Sebagai Pusat Perkembangan Tamadun Islam. Prosiding Seminar Memperkasa Masjid Sebagai Pusat Pengajaran Dan Pembelajaran, Jil 2, 49- 60

Roslan Mohamed. 2002. Keberkesanan Program Masjid : Kajian Umum Di Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Koleksi Kertas Kerja Seminar Pembangunan Masjid. Universiti Malaya, Kuala Lumpur

#### *Tesis*

Firdaus Bin Mokhtar. 2017. Kecenderungan Masyarakat Islam Menjauhi Institusi Masjid Di Malaysia. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Mohd Mohadis Hj. Yasin. 1997. Pengurusan Dan Pentadbiran Institusi Masjid: Kajian Kes Di Negeri Melaka. Tesis Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

#### *Internet*

Datang masjid, dapat basikal. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/05/561951/datang-masjid-dapat-basikal>. 9 Mei 2019

Masjid tak mesra pengunjung. <https://www.malaysiakini.com/columns/243426>. 9 Oktobe2013

Solat di masjid dapat wang saku. <https://www.sinarharian.com.my/article/52035/EDISI/Selangor-KL/Solat-Subuh-di-masjid-dapat-wang-saku>. 14 Oktober 2019

#### *Temubual*

##### Informan 1 :

Mohd. Safian Bin Abdul Rahman, Nazir Masjid al-Hasanah, Bandar Baru Bangi. Temubual pada 19 Oktober 2019, pukul 2.30 petang.

##### Informan 2 :

Mohd. Napiah Bin Sahrani, Imam Masjid al-Hasanah, Bandar Baru Bangi. Temubual pada 19 Oktober 2019, pukul 5.00 petang.

##### Informan 3:

Mohd Rizan Bin Abdullah, Ketua Biro Pemuda Masjid al-Hasanah, Bandar Baru Bangi. Temubual pada 19 Oktober 2019, pukul 6.00petang.

##### Informan 4 :

Kamaruzaman Bin Md Riffin, Ketua Biro Pendidikan Masjid al-Hasanah, Bandar Baru Bangi. Temubual pada 20 Oktober 2019, pukul 8.30 pagi.

##### Informan 5 :

Rosdi Bin Siraj, Ketua Biro Sukan Masjid al-Hasanah, Bandar Baru Bangi. Temubual pada 22 Oktober 2019, pukul 10.30 pagi.

Informan 6 :

Mohd Johaary Bin Abdul Hamid, Ketua Biro Kebajikan Masjid al-Hasanah, Bandar Baru Bangi. Temubual pada 20 Oktober 2019, pukul 2.30 petang.